

Persaudaraan manusia

amat mendesak pada masa ini

VATIKAN: Dalam dunia di mana keamanan sering dianggap sebagai utopia yang ketinggalan zaman. Begitu juga dengan persaudaraan yang semakin tidak dipedulikan. Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa persaudaraan manusia bukanlah teori tetapi keperluan mendesak. Inilah mesej utama teks yang diterbitkan pada Februari 4, sempena Hari Persaudaraan Manusia Sedunia dan penyampaian Anugerah Zayed, di mana Sri Paus menyeru kepada persaudaraan yang lebih kuat untuk mengakhiri konflik, perbezaan dan ketegangan.

Keperluan mendesak persaudaraan

Sri Paus mengingatkan ulang tahun ketujuh penandatanganan Dokumen Persaudaraan Manusia untuk Keamanan Dunia dan Hidup Bersama oleh mendiang Sri Paus Fransiskus dan Imam Besar, Ahmad Al-Tayyeb — sebuah peristiwa yang memungkinkan untuk merayakan “apa yang paling berharga dan universal dalam kemanusiaan kita: persaudaraan kita, ikatan yang tidak dapat dipecahkan yang menyatukan setiap manusia, yang diciptakan

mengikuti imej Tuhan.”

“Hari ini, keperluan memupuk persaudaraan ini bukan lagi cita-cita yang jauh tetapi keperluan yang mendesak,” kata Sri Paus.

Persaudaraan, mangsa pertama konflik

Bapa Suci mengatakan “hari ini, terlalu ramai saudara dan saudari yang menderita akibat keganasan dan peperangan, seperti yang pernah dikatakan oleh Sri Paus Fransiskus dalam ensikliknya *Fratelli Tutti*: “Mangsa pertama setiap peperangan ialah panggilan semula jadi keluarga manusia kepada persaudaraan.”

Pada masa ketika impian untuk membina keamanan bersama sering ditolak sebagai ‘utopia yang ketinggalan zaman’, kita mesti mengisytiharkan dengan yakin bahawa persaudaraan manusia adalah realiti, lebih kuat daripada semua konflik, perbezaan dan ketegangan.

Persaudaraan harus direalisasikan melalui “komitmen harian, konkrit terhadap rasa hormat, perkongsian dan belas kasihan,” ujar Bapa Suci Leo.

Tidak kekal dalam “alam idea”

“Kata-kata tidak mencukupi,” kata Paus sudah pada Disember lalu ketika beru-

cap kepada ahli Jawatankuasa Anugerah Zayed, dan mengulangi semula kata-kata itu dalam mesej tersebut, bahawa kita memerlukan “mempromosikan persaudaraan melalui tindakan dan usaha yang konkrit.”

Sri Paus merujuk kepada Seruan Apostolik pertamanya *Dilexi Te* bahawa “jika persaudaraan gagal dilakukan dalam tindakan amal, harapan dan aspirasi kita yang juga menjadi lemah dan pudar”.

Beliau kemudian kembali kepada *Fratelli Tutti*: sebagai saudara dan saudari, kita semua dipanggil untuk melangkaui pinggir dan “bertemu dalam rasa kekitaan dan persekutuan yang lebih besar.”

Penerima anugerah adalah “penabur harapan”

Anugerah Zayed, kata Bapa Suci memberi penghormatan kepada mereka yang telah menterjemahkan nilai-nilai ini ke dalam “kesaksian tulen kebaikan dan amal manusia.”

Berucap secara langsung kepada para penerima anugerah — Ilham Aliyev, Presiden Republik Azerbaijan; Nikol Pashinyan, Perdana Menteri Republik Armenia; Cik Zarqa Yaftali; dan organisasi Taawon Palestine — Sri Paus Leo menggambarkan mereka sebagai “penabur

harapan dalam dunia yang terlalu kerap membina tembok bukannya jambatan.”

Dengan memilih jalan perpaduan yang mencabar berbanding jalan ketidakpedulian yang mudah, mereka telah menunjukkan bahawa perpecahan yang paling mendalam sekalipun boleh dipulihkan melalui tindakan konkrit. Karya-karya mereka menjadi saksi kepada keyakinan bahawa cahaya persaudaraan dapat mengatasi kegelapan pembunuhan saudara.

Semoga tetangga kita tidak lagi dilihat sebagai orang asing atau ancaman

Sri Paus Leo mengakhiri pesannya dengan menyatakan rasa terima kasihnya kepada Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu, atas sokongannya yang tidak berbelah bahagi terhadap inisiatif tersebut, serta kepada Jawatankuasa Zayed atas “wawasan dan keyakinan moral mereka.”

Pada akhir pesannya, Sri Paus berkata, “Marilah kita terus bekerjasama supaya dinamik cinta persaudaraan dapat menjadi jalan bersama bagi semua, dan supaya ‘yang lain’ tidak lagi dilihat sebagai orang asing atau ancaman, tetapi diiktiraf sebagai saudara lelaki atau perempuan.” **Media Vatikan**

Retret gaya monastik dirancang untuk Sri Paus dan Kuria Roma

ROMA: Seminggu pendalaman rohani untuk Sri Paus Leo XIV dan Kuria Roma akan bermula pada musim Pra-Paskah, mengambil ciri-ciri monastik, dengan retret di Kapel Pauline era Renaissance, yang dihiasi dengan fresko oleh Michelangelo.

Pada tahun-tahun sebelumnya, retret itu diadakan di Kapel *Redemptoris Mater*, yang terkenal dengan mozek yang dikaitkan dengan Fr Marko Rupnik, yang telah dituduh melakukan penderaan seksual dan rohani.

Penceramah untuk pendalaman rohani

itu ialah Uskup Erik Varden dari Trondheim, seorang Cistercian dari Strict Observans (Trappist). Seorang warga Norway yang dibaptis sebagai Lutheran oleh ibu bapa yang tidak mengamalkan agama, belajar di Cambridge dan kemudian memeluk agama Katolik, satu perubahan yang dikaitkannya dengan inspirasi muzik.

Beliau telah berkhidmat sebagai uskup Keuskupan Trondheim sejak tahun 2020.


Beliau juga seorang penulis buku kerohanian yang prolifk, Varden akan menawarkan dua meditasi.

Meditasi pertama dijadualkan pada hari

Ahad, Februari 22, pukul 5.00 petang.

Selepas itu, setiap pagi bermula pada pukul 9.00 pagi dengan Ibadat Harian dan satu lagi sesi meditasi menyusul pada pukul 5.00 petang. Sesi terakhir akan diadakan pada hari Jumaat, Februari 27 diakhiri dengan Adorasi kepada Sakramen Mahakudus pada sebelah petang.

Tema retret ini ialah “Diterangi oleh Kemuliaan Tersembunyi, Itinerari Lenten,” berpusat pada tokoh Sto Bernard — yang digambarkan sebagai idealis dan realis — dan juga akan merangkumi renungan tentang malaikat Tuhan. **EWTN News**



Mengenang John Allen

Ahli antropologi terkenal Mircea Eliade pernah mengungkapkan kata-kata peringatan ini: Tiada komuniti yang patut merosakkan kematiannya. Dia betul. Kematian sebenarnya membersihkan dan hanya selepas seseorang itu pergi, barulah kita dapat menghayati sepenuhnya anugerah yang dia berikan kepada kita dan dunia semasa hayatnya.

Pada Januari 22, komuniti Kristian, dan Gereja Katolik khususnya, kehilangan seseorang yang telah menjadi anugerah kepada kita untuk jangka masa yang lama.

John Allen, ketua pengarang *Crux*, meninggal dunia di Roma pada usia 61 tahun. Beliau telah berjuang melawan kanser sejak tahun 2022.

John Allen adalah salah seorang wartawan Inggeris yang paling terkenal (dan penting) pengulas isu-isu agama, terutamanya isu-isu Gereja dan perubahan demografi agama di dunia.

Beliau bekerja dari Roma sebagai koresponden Vatikan dan Amerika Syarikat sebagai ketua pengarang laman berita yang membantu kita semua mengikuti perkembangan agama di dunia.

Beberapa perkara membuatkan John menonjol sebagai seorang wartawan. Dia mempunyai bakat untuk sentiasa mengikuti perkembangan semasa, bukan sahaja dalam apa yang berlaku di Gereja, tetapi juga apa yang (dalam kata-katanya) merupakan *mega-trend* di dunia.

Bagi kita yang tidak sempat meneliti berita setiap hari dan membaca pelbagai artikel dalam majalah dan laman web keagamaan – kita boleh membaca tulisan John Allen. Tetapi, yang lebih penting daripada bakatnya ialah ulasannya sentiasa adil dan seimbang.

John Allen tidak termasuk dalam mana-mana kategori Gerejawi semasa, sama ada liberal atau konservatif.

Dia adalah kedua-duanya, dan juga bukan kedua-duanya. Beliau selesai dalam perhimpunan liberal dan konservatif, selesai dengan Sri Paus Yohanes Paulus II dan Benediktus



serta dengan Fransiskus dan Leo.

Beliau mempunyai pengikut dan pengkritik di kedua-dua belah spektrum Gerejawi. Itu menunjukkan dia orang yang baik.

Jika saya boleh menggunakan klise yang sudah lapuk, dia terlalu konservatif bagi setengah liberal dan terlalu liberal bagi setengah konservatif.

Dia tidak mempunyai pendirian yang memihak kepada liberal atau konservatif namun berdiri dengan adil baik dari sudut liberal mahupun konservatif. Malah, beliau tidak pernah dituduh tidak adil, walaupun oleh mereka yang tidak bersetuju dengannya.

Di luar tugas wartawannya pula, dia ialah John Allen, seorang lelaki, sahabat, yang sentiasa membawa keceriaan, kehangatan dan lawak jenaka dalam kalangan orang-orang yang mengenalinya.

Saya beruntung dapat mengenali beliau (dan restoran kegemarannya) semasa saya bertugas dalam salah sebuah Perhimpunan Umum kami di Roma.

Beliau berkawan dengan komuniti Oblate kami. Persahabatan kami berterusan meskipun saya kembali ke Kanada dan Amerika Syarikat.

Mendiang John juga menerima jemputan untuk berucap di pelbagai simposium dan persidangan di sekolah dan di acara-acara

yang ditaja oleh kongregasi Oblate.

Dan dia sentiasa diingati, bukan sahaja kerana peribadinya yang sederhana, tetapi kerana sikap dan humornya.

Dalam mana-mana ceramah, dia akan memperkenalkan dirinya kepada para peserta bahawa dia berasal dari Hill City, Kansas, di mana, mengikut kata-katanya, “tiada bukit, dan pasti tiada bandar!”

Bar tempatan di sana, katanya, mempunyai papan tanda di tandas lelaki: *Tolong jangan buang benda yang tidak baik ke dalam singki!*

Inilah keistimewaan setiap kali beliau membentangkan sesuatu dan tiada siapa yang pernah meninggalkan dewan tertanyanya apa sebenarnya yang dia telah bicarakan.

Dia bukan sahaja membawa keseimbangan dan adil, dia juga membawa warna, humor dan kebijaksanaan.

Secara umum, inilah yang diingati mengenai John semasa hayatnya: seorang yang berwawasan, seimbangan dan peribadi yang menarik.

Gambaran saya tentang John adalah seperti ini: sebatang rokok di tangan, memegang minuman, duduk bersama dengan sekumpulan yang sedang membincangkan pelbagai isu, dengan John yang sekali sekala mencelah

dan bergurau, di samping memberikan pandangannya yang bernas, hasil daripada pengalaman luasnya di seluruh dunia.

Saya teringat sebuah cerita yang dikongsikannya dalam sebuah perhimpunan, tentang bagaimana dia bersama keluarganya di dalam sebuah pusat beli-belah di Minneapolis apabila telefonnya berdering.

Dia melihat nombor itu dan kemudian memberitahu keluarganya bahawa dia perlu keluar untuk menjawab panggilan ini. Panggilan itu daripada Sri Paus Benediktus! Bayangkan anda memberitahu keluarga anda di pusat beli-belah di Minneapolis bahawa anda baharu sahaja menerima panggilan telefon daripada Bapa Suci!

Seperti yang dikatakan oleh Eliade, tiada komuniti yang patut merosakkan kematian.

Dalam wacana-Nya pada Perjamuan Terakhir dalam Injil Yohanes, Yesus berulang kali memberitahu murid-murid-Nya bahawa mereka hanya akan dapat menerima roh-Nya selepas Dia wafat. Inilah yang dimaksudkan oleh Eliade, jangan mencemar seseorang yang telah meninggal dunia.

Selepas kematian-Nya, murid-murid pertamanya, walaupun terdapat salah faham dan ketidaksetiaan mereka semasa Dia masih hidup, mereka menghormati kematian-Nya. Selepas kematian-Nya, baharulah mereka dapat memahami, sepenuhnya buat kali pertama, memahami misi, peribadi dan pesan-Nya.

Kita kehilangan seorang yang penting seperti John Allen dan kita tidak sepatutnya merosakkan kematiannya.

Kita perlu menghayati semangatnya supaya, antara lain, kita boleh menjadi lebih berfikiran terbuka, tidak terjebak dalam mana-mana ideologi Gerejawi yang berat sebelah, dan sentiasa membawa kehangatan dan kebijaksanaan ke dalam bilik.

John Allen, beristirahatlah dengan aman, engkau sentiasa lelaki baik dari Hill City yang terlalu waras untuk pernah membelah perut itik di singki tandas awam! **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Perintah dan KASIH

Dengan tegas Yesus berkata, “Aku datang bukan untuk membatalkannya, melainkan untuk menyempurnakannya” (Mat 5:17). Makna Taurat/hukum dilihat dan difahami mengikut tujuannya, bukan secara harfiah. Misalnya, ajaran Yesus keras terhadap pembunuhan, zina, sumpah, tetapi lembut terhadap makna Sabat. Dia menekankan berlakunya hukum ganda kasih: kepada Tuhan (Ul 6:5) dan kepada sesama (Im 19:18), kerana “seluruh hukum Taurat dan kitab para nabi” (Mat 22:34-50) bergantung padanya.

Maka sebagai “Musa Baru” sambil menggunakan Taurat, Yesus mengajar dan melaksanakan sendiri kehendak Tuhan menurut hukum yang sebenarnya.

Dengan demikian, jelaslah bahawa Yesus membenarkan kewujudan undang-undang dan kewajipan untuk melaksanakannya.

Tetapi pada masa yang sama Dia menyingkirkan kemunafikan para ahli kitab dan kaum Farisi dalam pengertian dan pelaksanaan Taurat itu.

Hukum Tuhan harus difahami dan dilaksanakan dengan semangat dan secara injili, iaitu dengan kasih dan ketulusan hati seperti yang diajar dalam Injil.

Yesus menyentuh enam hukum sebagai contoh. Dia berkata, “Kamu telah mendengar begitu, tetapi Aku berkata

kepadamu begini atau dengan demikian.”

Perbezaan yang dimaksudkan Yesus itu ada dua jenis.

Yang satu bersifat menerima hukum Musa itu, tetapi diperluas dan diperdalam (ayat 21-22; 27-28; 43-44). Yang lain ditolak-Nya, sebab hukum itu bukan pegangan sikap dasar hidup orang, jika mahu hidup mengikut Yesus (ayat 31-32; 33-37; 38-39).

Sebagai contoh, peluasan dan pendalaman hukum Musa ialah: kita harus menghilangkan rasa dendam, pembalasan atau niat jahat.

Apabila taat akan hukum Musa untuk tidak membunuh, dan jika membunuh harus dihukum, Yesus masih menambah, “setiap orang yang marah terhadap saudaranya harus dihukum” (ayat 21-22).

Mengapa? Demi kasih sayang! Dengan bahasa kita sekarang ini, Yesus seolah-olah ingin berkata, “Jika kamu pergi ke Gereja untuk beribadat dan ingin memberi derma (kolekte) tetapi kamu teringat akan sesuatu yang ada dalam hati saudaramu terhadap kamu, pergilah terlebih dahulu berdamai dengan saudaramu, kemudian barulah pergi untuk beribadat” (lihat ayat 23-24).

Hanya orang yang memiliki kasih sejati akan mampu menganggap semua orang sama martabatnya seperti diri sendiri!

Kasih adalah penyatu, sekali gus pemulih kembali apabila perpaduan itu retak! Doa atau korban apa pun kepada Tuhan adalah palsu jika disertai kebencian.

Contoh hukum Taurat yang ditolak oleh Yesus ialah hukum keenam daripada Sepuluh Perintah Dekalog (Perintah Tuhan melalui Musa).

Menurut hukum ini, Musa melarang berzina, “Kamu telah mendengar firman, ‘Jangan berzina!’ Tetapi Aku berkata kepadamu: Sesiapa memandang perempuan dengan menginginkannya, dia sudah berzina dalam hatinya.”

Dan Yesus melarang pandangan dan keinginan yang tidak murni/jahat, tetapi meminta setiap orang menjauhkan diri daripada peluang untuk berdosa, dan menggalakkan kawalan diri dengan mengutamakan apa yang dituntut untuk dapat menyelamatkan jiwa dan raganya (ayat 29-30).

Seterusnya Yesus melarang menceraikan isteri kerana zina dengan memberikan surat cerai kepadanya (ayat 31), kerana itu bertentangan dengan hukum kasih.

Hanya dengan kesatuan kasih perkahwinan dapat dipelihara atau dipulihkan semula (lihat Matius 19:9).

Akhirnya Yesus mengajar, agar kita tidak saling mempercayai atau bersifat saling curiga, iaitu dengan berpegang teguh

**HARI MINGGU BIASA
KEENAM TAHUN A
SIRAKH 15:15-20
1 KORINTUS 2:6-10
INJIL MATIUS 5:17-37**

pada kesatuan dan persamaan asas antara kata dan perbuatan. Ya memang ya, tidak harus memang tidak!

Dengan demikian, jelaslah bahawa sikap asas Yesus terhadap Taurat bukanlah untuk menghapuskannya, tetapi untuk memenuhinya, namun dengan menyempurnakannya.

Hukum lama diberikan oleh Tuhan sesuai dengan janji-Nya untuk menyelamatkan umat-Nya.

Tetapi hukum lama itu disempurnakan oleh Yesus. Tuhan dalam Perjanjian Lama sama dengan Tuhan dalam Perjanjian Baru.

Namun Tuhan yang satu dan sama itu menampakkan diri-Nya sebagai Bapa, Anak dan Roh Kudus! Yesus Kristus, Putera Tuhan inilah yang bersama Roh Kudus memberikan makna sebenar hukum Tuhan, dan memberi ajaran serta teladan bagaimana melaksanakannya.

Kesimpulan kita ialah: taat kepada hukum dan hidup secara Kristian sejati bermakna: mengikut Yesus, melihat Yesus sebagai teladan, dan menempuh jalan hidup yang sentiasa disinari oleh cahaya Yesus. **Msgr FX. Hadisumarta O.Carm**



Risen Christ P. Pinang siap siaga untuk Pra-Paskah

PULAU PINANG: Musim Pra-Paskah merupakan satu panggilan untuk kembali kepada Tuhan melalui doa, pertobatan dan pembaharuan hidup, kata Friar Cosmas Francis, OFM semasa memimpin Rekoleksi Persiapan Pra-Paskah di Gereja Katolik *Risen Christ* pada Januari 25.

Rekoleksi yang berlangsung pada pukul 9.45 pagi hingga 3.00 petang, dianjurkan oleh Apostolat Bahasa dan disertai oleh 75 orang peserta.

Program ini bertujuan membantu umat membuat persiapan rohani yang lebih mendalam menjelang musim Pra-Paskah.

Rekoleksi ini memberi ruang kepada para peserta untuk berhenti seketika daripada kesibukan harian, seterusnya memberi tumpuan kepada kehidupan rohani melalui doa, refleksi dan panggilan kepada pertobatan.

Suasana rekoleksi yang tenang dan penuh penghayatan mem-

bantu peserta membuka hati untuk memperbaharui hubungan peribadi dengan Tuhan.

Sesi utama rekoleksi disampaikan oleh Friar Cosmas Francis, OFM. Beliau menekankan kepentingan doa, keinsafan diri dan penghayatan amal kasih sebagai asas utama dalam perjalanan iman sepanjang musim Pra-Paskah.

Beliau mengajak para peserta untuk menghayati Pra-Paskah bukan sekadar sebagai amalan luaran, tetapi sebagai satu perjalanan pertobatan dalaman yang sejati.

Selain itu, Friar Cosmas turut memberikan penjelasan mengenai amalan puasa dan pantang sepanjang musim Pra-Paskah, khususnya pemahaman tentang amalan berpantang daging pada hari Jumaat, serta makna rohaninya dalam membentuk disiplin dan pengorbanan sebagai umat beriman.

Beberapa peserta berkongsi bahawa rekoleksi ini telah membuka

kesedaran baharu untuk menjalani kehidupan iman dengan lebih jujur, rendah hati dan berbelas kasih terhadap sesama, selaras dengan semangat Injil.

Secara keseluruhannya, rekoleksi ini bukan sahaja memperkukuh iman peribadi peserta, malah turut mengeratkan persekutuan dalam komuniti bahasa di paroki.

Apostolat Bahasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Friar Cosmas Francis, OFM atas kesediaan beliau membimbing umat dalam rekoleksi ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Friar Crispus Mosinoh, OFM, Paderi Paroki Gereja Katolik *Risen Christ*, atas sokongan dan bimbingan beliau yang berterusan terhadap pelayanan Bahasa Apostolate.

Rekoleksi ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan seterusnya jamuan makan tengah hari. **Maria Anthony**

Gereja Holy Infant rai Pesta Kanak-kanak Suci

SUNGAI PELEK, Selangor: Pesta Kanak-Kanak Yesus Suci telah diraikan dengan penuh sukacita di Chapel Holy Infant Yesus.

Pesta ini menghimpunkan murid-murid Katekismus dari Gereja St Theresa, Nilai dan Gereja Immaculate Conception, Port Dickson.

Sebelum Misa, Kardinal Sebastian Francis ditemu bual mengenai kepentingan meraikan Pesta Kanak-Kanak Yesus Suci,

Prelatus itu menjelaskan Gereja merayakan banyak hari perayaan yang mencerminkan setiap peringkat kehidupan Yesus — daripada kelahiran, zaman kanak-kanak-Nya hinggalah pelayanan-Nya.

Setiap peringkat hidup Yesus dirayakan oleh Gereja. Mengingati Yesus sebagai seorang kanak-kanak menjadikan Yesus mudah didekati oleh semua orang.

Dengan menghubungkan zaman kanak-kanak kita dengan zaman kanak-kanak Yesus, ia membantu kita untuk berhubung dengan Kristus dengan lebih mendalam.

Kepada ibu bapa, Kardinal Sebastian menggalakkan ibu bapa untuk menerima setiap aspek dalam membesarkan anak-anak — sama ada berkat mahupun cabaran — dan berpegang kepada tiga prinsip panduan yang diilhamkan daripada kehidupan Santo Yusuf dan Perawan Maria iaitu: "Hiduplah setiap saat, berkatilah setiap saat, dan serahkanlah setiap saat."



Kemuncak perayaan ialah Misa Kudus yang dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis.

Dalam homilinya, Uskup Pulau Pinang itu menyampaikan renungan tentang peristiwa "Yesus Memberi Makan Lima Ribu Orang" yang menekankan peranan seorang kanak-kanak mempersembahkan lima roti dan dua ikan.

Katanya, bantuan kecil daripada kanak-kanak itu telah menolong Yesus melakukan mukjizat besar, sekali gus menegaskan peranan penting kanak-kanak dalam rancangan Tuhan.

Sebelum Misa berakhir, kanak-kanak dijemput membawa hadiah persembahan masing-masing ke hadapan altar untuk diberkati.

Mereka digalakkan untuk membawa pulang hadiah persembahan tersebut untuk dikongsi dengan kanak-kanak lain, terutamanya mereka yang memerlukan.

Selepas Misa, kanak-kanak dijamu dengan pelbagai juadah dan hadiah ditaja serta dianjurkan oleh para Katekis, Karasulan Wanita Katolik CICPD dan komuniti Katolik Sungai Pelek.

CHERAS: Buat julung-julung kalinya, hampir 600 ahli koir dan pemuzik daripada pelbagai bahasa di bawah naungan Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah berhimpun di Paroki St Francis of Assisi (SFA), untuk program "Meraikan Koir" dengan tema "Muzik Suci — Perjalanan Gereja Merentasi Zaman" pada Januari 23 dan 24 lalu.

Dianjurkan oleh *Archdiocesan Liturgy Commission (ALC)*, penganjuran ini mencatatkan sejarah apabila empat kerasulan bahasa bergabung menjayakan program ini iaitu *Archdiocesan Chinese Apostolate Committee (ACLAC)*, *Archdiocesan Tamil Apostolate Committee (ATLAC)*, dan *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA)*. Seramai 280 peserta dari kumpu-



Meraikan muzik liturgi

lan koir Bahasa Inggeris, manakala hampir 100 orang dari koir bahasa Melayu, Tamil dan Mandarin.

Di bawah bimbingan penceramah jemputan yang terdiri daripada Fr

Leonard Lexson, Fr Dominic Tan, Fr John Yeow, Fr Gnana Selvam Berent, dan Sdra Spencer Klumai, peserta dibimbing untuk menerokai kekayaan warisan muzik Gereja.

Mereka juga berpeluang mengikuti latihan singkat vokal dan penafasan oleh pemuzik-pemuzik profesional.

Acara kemuncak program ini ialah

sesi persembahan lagu-lagu liturgi, aklamasi Injil dari koir keempat-empat bahasa selama satu jam.

Fr. Leonard Lexson turut menganjurkan acara lanjutan iaitu Mengubah Lagu Pembukaan Misa.

Setiap kumpulan koir mengikut bahasa dijemput untuk mencipta lagu baharu bagi kegunaan liturgi dan karya-karya terpilih, bakal dipersembahkan dalam program koir khas pada Julai 2026.

Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow, datang pada hari terakhir program, memberi semangat kepada para peserta.

Prelatus itu meluahkan rasa gembira dan syukur atas dedikasi setiap para peserta yang hadir dan mengakhiri program dengan doa penutup.



Katekis pembimbing, membentuk komuniti beriman

KENINGAU: Seramai 492 Katekis Pembimbing telah menyertai Rekoleksi Pembaharuan dan Pelantikan Katekis Pembimbing pada Januari 23 lalu.

Katekis pembimbing merujuk kepada individu yang bertanggungjawab dalam membimbing, mengajar dan membina iman para pelajar katekismus.

Msgr Gilbert Lasius semasa memimpin Misa Kudus penutup, menegaskan kepentingan tanggungjawab seorang katekis pem-

bimbing yang mendampingi para katekumen untuk mengenal tentang Gereja dan Yesus.

Para katekis pembimbing juga diingatkan bahawa pendidikan iman ialah berkenaan Kristus dan karya-karya-Nya di dunia.

Begitu pentingnya peranan katekis pembimbing dalam karya pewartaan Gereja, sehingga Sri Paus Yohanes Paulus II dalam surat Apostolik pertamanya "*Catechesi Tradendae*" berterimakasih kepada para katekis

awam yang begitu komited dalam pelayanan mereka dan melalui katekis pembimbing, para pelajar katekismus dan katekumen dapat mengenal Kristus.

Msgr Gilbert turut memberikan tiga cadangan dalam memperbaiki pelayanan katekis pembimbing iaitu: sentiasa mempertingkatkan pengetahuan tentang ajaran Katolik, melayani dalam kebersamaan dan sentiasa menjaga moral kerana katekumen pembimbing adalah contoh kepada para katekumen.

Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan 10 Perintah Tuhan pada gambar di bawah.
Rujuk Keluaran 20: 1-17.

Gereja Katolik mempunyai TUJUH sakramen. Warnakan tujuh sakramen tersebut. Minta pertolongan daripada guru sekolah minggu atau keluarga untuk mengetahui jawapan yang betul.

1. Jangan berhala, kepada-Ku saja, dan cintailah Aku lebih dari segala sesuatu

2. Jangan nama Tuhan dengan tidak hormat

3. hari Tuhan

4. ibu-bapamu

5. Jangan

6. Jangan


7. Jangan

8. Jangan bersaksi tentang sesamamu

9. Jangan mengingini sesamamu


10. Jangan mengingini sesamu secara tidak

menyembah
berbaktilah
menyebut
kuduskanlah
hormatilah
membunuh
berzina
mencuri
dusta
isteri
milik
adil



Jika engkau mempersembahkan persembahanmu di atas mezbah dan engkau teringat akan sesuatu yang ada dalam hati saudaramu terhadap engkau, tinggalkanlah persembahanmu di depan mezbah itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahanmu itu (Matius 5:23-24)

Lengkapkan wajah kanak-kanak dalam gambar ini dan warnakannya.



Anak-anak yang dikasihi,

Dalam bacaan Injil hari ini, Yesus sedang bercakap tentang hukum-hukum Tuhan. Sesetengah orang berpendapat bahawa Yesus akan menghapuskan hukum-hukum lama yang telah diberikan Tuhan kepada orang Yahudi.

Tetapi Yesus berkata bahawa Dia tidak datang untuk menghapuskan hukum. Dia datang untuk memenuhi hukum.

Anak-anak, undang-undang lama memberitahu kita perkara yang tidak sepatutnya kita lakukan, seperti menyembah tuhan palsu atau membunuh orang atau mencuri. Dan undang-undang itu masih kekal sehingga kini.

Namun Yesus memberitahu kita bahawa hanya mematuhi perintah tidak mencukupi. Mungkin anak-anak berfikir, jika kita setia ke Gereja setiap hari Minggu, tidak pernah membunuh, tidak pernah mencuri, maka kita adalah orang yang paling kudus di bumi!

Anak-anak pasti sudah belajar tentang 10 Hukum Tuhan, bukan? Yesus berkata bahawa Sepuluh Perintah itu sangat penting, tetapi kita perlu melakukan lebih daripada sekadar mematuhi.

Kita perlu mencintai, bermurah hati dan berdamai! Lihatlah Yesus berpesan kepada kita bahawa "jika engkau mempersembahkan persembahanmu di atas mezbah dan engkau teringat akan sesuatu yang ada dalam hati saudaramu terhadap engkau, tinggalkanlah persembahanmu di depan mezbah itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahanmu itu" (Mat 5:23-24).

Semoga pesan Yesus pada hari ini, dapat memantapkan lagi iman dan tindakan kasih anak-anak sekalian.

Salam sayang
Antie Melly

BELIA

YANGON: Di tengah konflik sivil yang sukar, Gereja Katolik tempatan di Myanmar telah menawarkan simbol harapan dan cahaya kepada ribuan belia yang tinggal di sana.

Sebuah patung santo Itali yang memakai kasut sukan, Sto Carlo Acutis, telah didirikan di Katedral Sto Columbanus di Keuskupan Myitkyina, yang merupakan ibu kota Negeri Kachin.

Saksi di tengah medan perang

Menurut agensi berita *Fides*, perasmian itu adalah yang pertama seumpamanya di Myanmar dan diadakan pada ulang tahun kesepuluh imamat serta ulang tahun pertama pentahbisan Uskup Diosis, John La Sam.

Salah seorang paderi keuskupan menjelaskan motif di sebalik detik bersejarah ini. Tujuan patung itu, kata Fr John Aung Htoi, adalah supaya Sto Carlo Acutis dapat mengajjar golongan muda “bagaimana untuk memberi kesaksian tentang iman dalam kehidupan mereka, walaupun dalam masa ujian, terutamanya semasa negara mengalami masa yang sukar ini.”

Patung itu bertujuan untuk menjadi peringatan dan inspirasi bagi golongan muda tentang cara menghayati iman mereka di Myanmar melalui penggunaan Internet dan media sosial yang betul.

Memandangkan Sto Carlo adalah penaung Internet, Fr Htoi menyifatkannya sebagai contoh bagi golongan muda di negara itu yang “mesti mengharungi dan bertahan dalam krisis yang menjejaskan negara yang berpecah belah akibat perang saudara.”

Beliau menceritakan bagaimana mereka menghadapi “ancaman sosial dan moral,” seperti keganasan, jenayah, dadah, hakisan unit keluarga, dan media sosial tanpa perlindungan undang-undang.

Dalam konteks inilah golongan muda ini beralih kepada Gereja Katolik dan ajarannya yang mempunyai asas kukuh, yang menggalakkan mereka untuk mendasarkan kehidupan mereka pada Kristus.

Sto Carlo Acutis beri harapan buat remaja di negara berkonflik



Untuk membantu mereka, Fr Htoi menyatakan, keuskupan di seluruh negara menganjurkan kem belia, program pembentukan iman, dan program pendidikan sebagai cara untuk menemani golongan muda dalam perjalanan mereka.

Berisiko menjadi “generasi yang hilang”

“Anak muda di Myanmar hari ini memerlukan pemahaman, bimbingan, dan kepercayaan,” tegas paderi keuskupan. Sebaliknya, mereka juga mesti bertanggungjawab atas tindakan mereka.

Fr Htoi menjelaskan, “anak muda adalah sumber yang penting untuk masa depan, dan oleh itu kita mesti menjaga mereka.”

Di seluruh Myanmar — terutamanya di kawasan di mana konflik dan keganasan berterusan—anak muda membentuk sebahagian

penduduk yang sangat terdedah. Ramai yang tidak mempunyai tempat tinggal, yatim piatu, atau tanpa keluarga yang mampu melindungi mereka, menjadikan mereka berisiko menjadi “generasi yang hilang.”

Dalam semangat memerangi cabaran-cabaran ini, Pusat Belia “Don Bosco”, yang ditubuhkan pada tahun 2014 di Keuskupan Agung Mandalay, menempatkan kira-kira 60 orang belia yang datang dari latar belakang yang mencabar — selalunya anak yatim atau mereka yang tinggal di jalanan.

Perubahan perspektif

Dengan rampasan kuasa junta tentera pada tahun 2021 — yang memusnahkan proses demokrasi yang rapuh yang telah dibina selama hampir sedekad — Myanmar memasuki

detik penting dalam sejarahnya. Beribu-ribu anak muda membantah secara aman untuk pemulihan demokrasi sebelum menyertai kumpulan rintangan bersenjata.

Tiga tahun kemudian, junta tentera melaksanakan undang-undang kerahan tenaga, memaksa kira-kira 60,000 orang muda dihantar ke barisan hadapan. Akibatnya, hampir 100,000 orang muda telah berhijrah, terutamanya ke Thailand, atau bersembunyi.

Orang muda, berumur antara 15 dan 35 tahun, membentuk 33% daripada penduduk Myanmar, dengan usia median 27 tahun. Bagi ramai dalam demografi ini, rampasan kuasa 2021 tidak boleh ditakrifkan semata-mata sebagai peristiwa politik, kerana ia memberi kesan langsung kepada pengalaman peribadi mereka terhadap demokrasi dan kebebasan individu. **LiCAS News**

Generasi baharu temui semula sukacita menjadi misionari



BANGKOK: Keuskupan Agung Bangkok merayakan Hari Misionari Muda pada Januari 24 di *Shrine* Martir Fr Nicholas Bunker Kitbamrung yang diberkati di Samphran, menggesa umat Katolik muda untuk melihat diri mereka bukan sebagai penonton, tetapi sebagai misionari aktif dalam kehidupan Gereja.

Pemilihan mengadakan acara di *shrine* itu membawa makna yang mendalam bagi para peserta.

Beato Nicholas Bunker Kitbamrung, seorang paderi keuskupan yang dilahirkan di Samphran, dipenjarakan semasa Perang Indo-China atas tuduhan palsu pengintipan dan meninggal dunia dalam tahanan pada

tahun 1944 selepas menanggung penyakit teruk dan layanan buruk.

Diberkati oleh Sri Paus Yohanes Paulus II pada tahun 2000, beliau kekal sebagai saksi iman dan keberanian yang kuat, terutamanya bagi golongan muda yang sedang mempertimbangkan untuk menghayati iman mereka dalam masa yang mencabar.

Beratus-ratus belia dari kumpulan belia paroki dan keuskupan menghadiri perhimpunan sepanjang hari yang menggabungkan doa, pembentukan iman, adorasi dan penglibatan misionari.

Penganjur menekankan bahawa golongan muda bukan sahaja masa depan Gereja, tetapi juga masa kini yang hidup, mam-

pu menginjil rakan sebaya dan komuniti mereka.

Seorang biarawati bercakap dengan peserta muda di gerai maklumat semasa Hari Misionari Muda, ketika belia mempelajari tentang panggilan dan kehidupan Gereja di Samphran, barat Bangkok.

Bagi saya, hari ini adalah peringatan bahawa saya tidak perlu menunggu untuk berkhidmat kepada Gereja.

“Saya boleh bermula dari mana saya berada,” kata seorang peserta belia, yang menghadiri acara itu bersama kumpulan parokinya.

Program ini mengikuti format holistik, dengan ceramah, pertemuan kumpulan

kecil, ruang interaktif dan perayaan Ekaristi.

Sesi pagi memberi tumpuan kepada identiti Misionari Muda, manakala sesi petang menjemput peserta untuk merenungkan panggilan kepaderian dan religius.

Sepanjang hari, peserta muda digalakkan untuk berakar dalam Kristus, mengatasi kekecewaan, dan menjadi saksi kedamaian dalam dunia yang berpecah belah.

“Kami menghimpunkan belia dari pelbagai kumpulan untuk membantu mereka mengalami Gereja sebagai komuniti yang berjalan bersama,” kata Nong Fern, salah seorang penyelaras acara tersebut.

“Kami mahu mereka saling menyokong, memperkenalkan rakan-rakan mereka kepada Yesus, dan membawa Berita Baik ke dalam kehidupan seharian mereka, terutamanya di kawasan bandar.”

Beliau menambah bahawa program itu menangani realiti yang dihadapi oleh golongan muda hari ini, termasuk dunia digital.

“Kami juga membimbing mereka tentang cara menggunakan teknologi dengan bijak, cara mencari sumber gereja, bertanya, dan mendapatkan bantuan, sambil mengingatkan mereka bahawa kehadiran dalam talian mereka juga harus menjadi saksi iman,” kata Fern kepada *LiCAS News*.

Berita singkat antarabangsa

Panggilan berdoa untuk Ukraine

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV pada hari Februari 4, mengulangi rayuannya untuk berdoa bagi rakyat Ukraine, yang terus menderita akibat konflik dan menekankan keperluan untuk memperbaharui "perjanjian *New START*" untuk mengakhiri penggunaan nuklear.

Bercakap semasa Audiens Umum, Sri Paus berkata, "Saya menggesa semua orang untuk menyokong saudara dan saudari kita di Ukraine dengan doa, kerana mereka sedang diuji dengan teruk oleh pengeboman yang sekali lagi mula menyerang infrastruktur tenaga."

Prelatus itu seterusnya menyatakan rasa terima kasih atas tindakan konkrit perpaduan, dan mengucapkan penghargaan

kepada keuskupan Katolik Poland dan negara-negara "yang terus berusaha membantu penduduk bertahan semasa musim sejuk yang teruk ini."

Sri Paus Leo menyatakan kerisauannya mengenai keselamatan antarabangsa, mengingatkan "Perjanjian *START Baharu*," yang ditandatangani pada tahun 2010 oleh Presiden Amerika Syarikat dan Persekutuan Rusia, telah tamat tempoh.

Menekankan bahawa perjanjian itu mewakili langkah penting dalam mengehadkan penyebaran senjata nuklear, Sri Paus Leo mengulangi sokongannya untuk semua usaha membina bagi menyokong gencatan senjata dan kepercayaan bersama. Media Vatikan

Katolik Thailand kenang permaisuri berjiwa rakyat

BANGKOK: Ratusan penganut Katolik Thailand menyertai negara pada Januari 29, dalam peringatan yang penuh doa untuk Ratu Sirikit, menandakan hari ke-100 hari sejak kemangkatan baginda dengan aman pada Oktober tahun lalu.

Ulang tahun keseratus pemergiannya berfungsi sebagai peringatan tentang legasi tujuh dekad yang ditakrifkan oleh rahmat keibuan dan komitmen yang mendalam terhadap kebaikan bersama.

Ketika kerajaan mengadakan setahun berkabung negara, komuniti Katolik berkumpul di Katedral Assumption yang bersejarah di Bangkok menawarkan "Jangkar Magisterium/ *Magisterium Anchor*" bagi jiwa Permaisuri yang dikasihi.

Misa Kudus bagi memperingati jiwa Permaisuri itu telah dipimpin oleh Uskup Agung Francis Xavier Vira Arpondratana, presiden Konferensi para Uskup Katolik Thailand (CBCT). Licas News

Ulang Tahun ke-100 karya Salesian Don Bosco di India

CALCUTTA: Selepas satu abad karya misi di India, Salesian Don Bosco mengendalikan 11 wilayah dan ratusan institusi pendidikan serta pelayan pastoral untuk belia yang memberi perkhidmatan kepada beberapa komuniti termiskin di negara itu.

Salesian Don Bosco telah berkarya di India selama 100 tahun, memberi tumpuan kepada pendidikan, latihan vokasional, dan sokongan untuk kanak-kanak, remaja dan belia terutamanya di timur India.

Salesian pertama kali tiba di benua kecil India di Shillong, timur laut India, semasa zaman

penjajahan British.

Pada masa itu, wilayah tersebut dianggap sebagai kawasan sempadan yang tidak stabil, didiami terutamanya oleh komuniti suku dan dihargai terutamanya kerana kepentingan strategiknya kepada Empayar British. Misi awal mereka bermula selepas Perang Dunia I, apabila pihak berkuasa kolonial bimbang tentang rusuhan di wilayah terpencil.

Hari ini, kongregasi mengendalikan 11 wilayah di India, bersama dengan 420 pusat Don Bosco Tech, 174 tempat perlindungan untuk belia berisiko, dan 34 pusat sokongan migran. LICAS News

Kristian lega mahkamah benar beribadat di premis sendiri

LUCKNOW: Mahkamah tertinggi di negeri Uttar Pradesh di utara India telah memutuskan bahawa orang Kristian tidak memerlukan kebenaran kerajaan untuk mengadakan perjumpaan doa di hartanah persendirian mereka.

"Tidak perlu mendapatkan kebenaran untuk mengadakan mesyuarat doa keagamaan di hartanah persendirian," kata panel hakim Mahkamah Tinggi yang terdiri daripada Hakim Atul Sreedharan dan Siddharth Nandan dalam perintah bertarikh Januari 27, yang dikeluarkan untuk diterbitkan pada Februari 2.

Mahkamah berkata keputusannya berlandaskan jaminan Perlembagaan tentang "perlindungan yang sama di sisi undang-

undang," yang mesti diberikan oleh pihak berkuasa negeri kepada semua rakyat tanpa diskriminasi atas dasar agama atau sebarang pertimbangan lain.

Perintah itu juga diberikan kepada dua petisyen serupa yang difailkan oleh *Maranatha Full Gospel Ministries* dan *Emmanuel Grace Charitable Trust*, yang turut memohon menjalankan ibadat doa di hartanah mereka sendiri setelah berulang kali diabaikan oleh pihak berkuasa negeri.

"Perintah mahkamah adalah kelegaan besar bagi orang Kristian di negeri itu yang telah menjadi mangsa penganiayaan agama berterusan," kata Fr Joy Mathew, yang berpangkalan di Uttar Pradesh. UcaNews

Sabda Bahagia, rahmat yang berterusan untuk kita

VATIKAN: Tuhan memberi harapan kepada mereka yang dunia buang sebagai terdesak, kata Sri Paus Leo XIV pada hari Minggu, Februari 1, semasa memimpin doa Angelus di Vatikan.

Memberikan renungan bacaan Injil hari itu menurut Matius mengenai Sabda Bahagia, Sri Paus berkata Yesus mengumumkan Berita Baik untuk seluruh umat manusia.

"Sabda Bahagia ialah cahaya Tuhan yang dinyalakan dalam kegelapan sejarah, mendedahkan rancangan keselamatan yang Bapa laksanakan melalui Anak, dengan kuasa Roh Kudus."

Membaharui hidup kita

Di atas bukit, Kristus menyatakan kepada murid-murid hukum baharu yang tertulis di dalam hati, bukan lagi di atas batu, "yang memperbaharui kehidupan kita dan menjadikannya baik, walaupun dunia nampaknya telah mengecewakan kita dan penuh dengan kesengsaraan," kata Sri Paus.

"Hanya Tuhan, yang benar-benar dapat menyebut orang miskin dan tertindas sebagai diberkati, kerana Dia adalah kebaikan tertinggi yang memberikan diri-Nya kepada semua dengan cinta yang tidak terhingga, hanya Dia yang dapat memuaskan mereka yang mencari

kedamaian dan keadilan, kerana Dia adalah hakim yang adil bagi dunia, pengarang kedamaian abadi."

Bapa Suci Leo berkata bahawa "Hanya dalam Tuhan orang yang lemah lembut, yang belas kasihan, dan yang murni hatinya akan menemui kegembiraan, kerana Dia adalah pemenuhan harapan mereka dan dalam penganiayaan, mereka menemui penebusan, dan dalam kepalsuan, mereka menemui "sauh kebenaran."

Bersukacitalah dan bergembiralah

"Oleh sebab tu, Yesus mengisytiharkan, 'Bersukacitalah dan bergembiralah!'"

Bapa Suci mengakui bahawa Ucapan Bahagia mungkin kelihatan paradoks kepada mereka yang mengharapkan golongan berkuasa sentiasa memerintah bumi.

Mereka yang biasa berfikir bahawa kebahagiaan milik orang kaya mungkin percaya bahawa Yesus khayal. Ini sebenarnya disebabkan kurangnya iman kepada Kristus," katanya.

Kristus ialah orang miskin yang berkongsi hidup-Nya dengan semua orang, orang yang lemah lembut yang bertekun dalam penderitaan, pembuat damai yang dianiaya hingga mati di atas salib."

Dengan cara ini, Yesus menerangi makna sejarah. Ia tidak lagi ditu-

lis oleh penakluk, tetapi oleh Tuhan, yang mampu melaksanakannya dengan menyelamatkan yang tertindas," sambil menekankan, "Tuhan memberi harapan terutamanya kepada mereka yang dunia buang sebagai putus asa."

Ukuran kebahagiaan

"Ucapan Bahagia menjadi ukuran kebahagiaan bagi kita. Ia membawa kita untuk bertanya kepada diri sendiri sama ada kita melihatnya sebagai pencapaian yang perlu dibeli atau hadiah yang perlu dikongsi; sama ada kita meletakannya dalam objek yang haus atau dalam hubungan yang menemani kita."

Terima kasih kepada Kristus, beliau meneruskan, "kepahitan ujian diubah menjadi kegembiraan orang yang ditebus. Yesus tidak bercakap tentang penghiburan yang jauh, tetapi tentang rahmat yang berterusan yang sentiasa menyokong kita, terutamanya pada saat kesusahan."

"Ucapan Bahagia mengangkut orang yang rendah hati dan mencekai-beraikan orang yang sombong dalam fikiran terdalam mereka." Pada akhir Angelus, Sri Paus memohon kepada Perawan Maria, yang disebut diberkati oleh semua generasi, untuk membantu umat Kristian menghayati Sabda Bahagia. Media Katolik



25 tahun misi di NTT, tiga paderi baharu Fransiskan Konventual ditahbis

SASI, Nusa Tenggara Timur: Ordo Fransiskan Konventual merayakan 25 tahun misi mereka di timur Indonesia dengan pentahbisan tiga paderi baharu di Sasi, sebuah bandar kecil di Pulau Timor di Nusa Tenggara Timur (NTT).

Pentahbisan tiga paderi baharu itu menonjolkan komitmen pastoral mereka yang semakin berkembang di negara itu.

Misa pentahbisan imam, yang diadakan pada akhir Januari di Gereja Sto Anthony of Padua di Paroki Sasi, Keuskupan Atambua, telah dipimpin oleh Uskup Dominikus Saku, yang bertindak sebagai uskup pentahbis.

Tiga orang paderi Fransiskan Konventual yang baharu ditahbiskan ialah Fr Joseph Agung Bathara Sembiring, OFMConv; Fr Nikolaus Rufinus Nahampun, OFMConv; dan Fr Mauritz Dicki Nubatonis, OFMConv.

Fr Joseph telah ditugaskan untuk

pelayanan pastoral di Paroki Sto Ignatius Loyola di Tanjung Morawa, dalam Keuskupan Agung Medan di Sumatera Utara.

Fr Nikolaus pula telah dilantik sebagai formator di Seminari Sto Bonaventure OFMConv di Sinaksak, Pematangsiantar, Sumatera Utara.

Manakala Fr Mauritz Dicki telah diutus sebagai misionari ke Uzbekistan di Asia Tengah.

Menurut Fransiskan Konventual, mengadakan pentahbisan di Sasi adalah pilihan yang disengajakan kerana berkait rapat dengan sejarah dan hala tuju misionari mazhab tersebut.

"Ordo Fransiskan Konventual Wilayah Maria Tak Bernoda Indonesia sengaja merancang Misa Pentahbisan ketiga-tiga paderi baharu diadakan di Sasi atas dua sebab penting," kata Fr Fictorium Natanael Ginting, OFMConv, seorang penulis dan pengarang

mengenai sejarah dan kerohanian Sto Francis dari Assisi.

"Pertama, untuk memperingati sejarah 25 tahun misi Konventual di Indonesia, yang sebelum ini aktif terutamanya di Indonesia barat dan kini memulakan kerja pastoral baharu di Indonesia Timur, khususnya di bahagian barat Pulau Timor, NTT, dan secara khusus di Sasi, Kefamenanu," jelasnya.

Fr Ginting berkata misi Fransiskan Konventual di Sasi dimulakan oleh dua orang misionari dari Sumatera, Fr Antonio Razzoli, OFMConv, seorang misionari dari Itali, dan Fr Laurentius Sihaloho, OFMConv, seorang rakyat Indonesia dari Sumatera Utara.

Dari perspektif Fransiskan Konventual Indonesia, pentahbisan di Sasi mempunyai kepentingan bukan sahaja bagi gereja tempatan tetapi juga bagi komuniti Katolik yang lebih luas di rantau itu. LICAS News

Baca firman Tuhan dalam konteks sejarah

VATIKAN: Kitab Suci mendedahkan keinginan Tuhan untuk dekat dengan umat-Nya, kata Sri Paus Leo XIV semasa Audiens Umum Rabu, Februari 4, sambil meneruskan siri katekesisnya mengenai Konsili Vatikan II (KV II).

Bapa Suci menumpukan perhatian kepada Konstitusi Dogmatik Dei Verbum mengenai Wahyu Ilahi, yang digelarnya sebagai "salah sebuah dokumen yang paling indah dan penting dalam KV II."

Sangti Papa mengingatkan bahawa Konstitusi dalam KV II menunjukkan bahawa, dalam Kitab Suci, umat beriman menemui "ruang istimewa untuk pertemuan di mana Tuhan terus berbicara kepada lelaki dan wanita dari setiap zaman, supaya, dengan mendengar, mereka dapat mengenal dan mengasihi-Nya."

Tuhan memilih berbicara dengan bahasa manusia

Teks-teks alkitabiah, "tidak ditulis dalam bahasa syurgawi atau luar biasa, menunjukkan bahawa Tuhan, atas dasar kasih-Nya yang besar, memilih untuk berbicara menggunakan bahasa manusia, dan oleh sebab itu, pelbagai penulis, yang diilhamkan oleh Roh Kudus, telah menulis teks Kitab Suci."

Dei Verbum, kata Sri Paus, "ialah firman Tuhan, yang diungkapkan dalam bahasa manusia, telah dibuat seperti wacana manusia, sama seperti firman Bapa yang kekal, apabila Dia mengambil daging kelemahan manusia, dalam segala hal dibuat seperti manusia."

Oleh sebab itu, bukan sahaja dari segi kandungannya, tetapi juga dari segi bahasanya, Kitab Suci memperlihatkan kerendahan hati Tuhan yang penuh belas kasi-



han terhadap manusia, dan keinginan-Nya untuk dekat dengan mereka."

Bahasa yang terkandung dalam sejarah manusia

Sri Paus Leo mengakui bahawa sepanjang sejarah Gereja, hubungan antara Pengarang Ilahi dan pengarang manusia teks suci telah dikaji.

"Tafsiran yang betul terhadap teks-teks suci tidak boleh mengabaikan persekitaran sejarah di mana ia berkembang dan bentuk sastera yang digunakan," katanya.

"Sebaliknya, mengabaikan konteks sejarah dalam perkataan yang digunakan oleh Tuhan dapat membawa risiko salah faham dan kerohanian yang salah terhadap Kitab Suci."

Prelatus itu juga menyatakan bahawa prinsip ini juga terpakai kepada pewartaan firman Tuhan.

"Jika ia hilang sentuhan dengan realiti, dengan harapan dan penderitaan manusia, jika bahasa yang tidak dapat difahami digunakan, atau jika ia tidak komunikatif atau anakronistik, ia tidak berkesan," tegas Sangti Papa Leo.

Bapa Suci Leo menegaskan semula, "Dalam setiap zaman, Gereja dipanggil untuk mengemukakan semula firman Tuhan dalam bahasa yang mampu diwujudkan dalam sejarah dan menyentuh hati."

Terutama apabila diwartakan dalam konteks liturgi, Kitab Suci bertujuan untuk berbicara kepada orang percaya hari ini, untuk menyentuh kehidupan mereka sekarang dengan masalah mereka, untuk menerangi langkah-langkah yang perlu diambil dan keputusan yang perlu dibuat.

Proklamasi gembira tentang kehidupan penuh yang Tuhan telah berikan kepada kita

"Kitab Suci, berfungsi untuk memupuk kehidupan dan kasih amal orang yang beriman," kata Sri Paus Leo.

Akhirnya, Sri Paus Leo mengakhiri dengan menggesa umat beriman untuk "bersyukur kepada Tuhan kerana, dalam kebaikan-Nya, Dia memastikan kehidupan kita tidak kekurangan khasiat firman-Nya, dan marilah kita berdoa agar kata-kata kita, dan lebih-lebih lagi kehidupan kita tidak bertentangan dengan apa yang diceritakan di dalam Kitab Suci." **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Lima tindakan kecil menyebarkan kebaikan

Dalam dunia yang sering terasa tergesa-gesa, tindakan kebaikan yang kecil atau sederhana boleh merapatkan jurang antara kita.

Berikut merupakan lima cara praktikal, mudah, "kecil" untuk membantu kita menyebarkan kebaikan terhadap jiran dan orang asing:

1. Tawarkan senyuman atau sapaan yang mesra

Kita semua tahu bahawa senyuman mesra atau sekadar "hello" boleh menceriakan hari seseorang. Apabila anda melihat jiran di luar atau berselisih dengan seseorang di jalan, luangkan sedikit masa untuk berhubung. Gerak isyarat kecil ini boleh memupuk rasa komuniti dan membuat orang lain berasa dihargai.

2. Berikan pujian

Luangkan masa untuk mengakui sesuatu yang positif tentang seseorang misalnya memuji tentang cara mereka mendidik anak, taman mereka yang cantik atau cara berpakaian mereka yang kemas. Pujian yang ikhlas dapat meningkatkan mood dan keyakinan seseorang dengan ketara, memupuk suasana positif.

3. Amalkan pendengaran aktif

Apabila berinteraksi dengan orang lain, berikan perhatian sepenuhnya kepada mereka. Letakkan telefon anda, buat hubungan mata dan dengar apa yang

mereka katakan. Ini menunjukkan bahawa anda menghargai pemikiran dan perasaan mereka, yang boleh memberi kesan mendalam terhadap rasa harga diri mereka.

Kadang-kadang apa yang seseorang perlukan hanyalah telinga yang mendengar untuk berkongsi perjuangan atau kegemilangan mereka.

4. Kongsi Sumber

Jika anda mempunyai barangan yang tidak lagi diperlukan, pertimbangkan untuk memberikannya kepada seseorang yang boleh menggunakannya. Sama ada pakaian, buku, atau hasil tanaman tambahan dari kebun anda, berkongsi sumber-sumber ini boleh meringankan beban orang lain dan menggalakkan kemurahan hati. Ini membantu orang lain dan juga boleh membawa rasa kepuasan dan kegembiraan kepada anda.

5. Amalkan kesabaran dan kebaikan di tempat awam



Dalam persekitaran yang sibuk, seperti kedai runcit atau pengangkutan awam, menunjukkan kesabaran dan kebaikan boleh membuat perbezaan yang ketara.

Benarkan seseorang mendahului anda dalam barisan, bantu seseorang membawa barangan runcit mereka, atau sekurang-kurangnya bersikap sopan (ia tidak sesukar mana). Tindakan kecil ini menggalakkan budaya kebaikan dan berbelas kasihan semua yang terlibat.

Dengan menjadikan kebaikan sebagai keutamaan, kita bukan sahaja mengangkat atau membina semangat orang di sekeliling kita, tetapi juga memperkayakan hati dan jiwa kita sendiri.

Oleh sebab itu, kita juga memenuhi panggilan kita sebagai orang Kristian untuk menjadi cahaya di dunia, walaupun dalam cara yang paling kecil.

Ingatlah bahawa "orang yang setia dalam perkara yang sangat kecil juga setia dalam perkara yang besar." (Luk, 16:10). **Aleteia**

PENULIS BERKICAU



Jangkaan, harapan MPC2026

Pada tahun 2026 ini, tidak melampau untuk saya katakan, sebagai seorang pengamal media Katolik, bahawa Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026) adalah acara yang paling ditunggu.

Inilah kali pertama para klerus, religius dan umat awam dari Malaysia Timur dan Semenanjung, bergabung dalam sebuah perhimpunan.

MPC2026 akan diadakan dari September 9 hingga 13, 2026 di Sibul, bakal menghimpunkan kira-kira 800 paderi, ahli agama, dan umat beriman dari Sabah, Sarawak, dan Semenanjung. Inilah perhimpunan pastoral kebangsaan pertama Gereja Katolik di Malaysia!

MPC2026 bukan persidangan atau mesyuarat untuk membuat keputusan. Ia adalah ruang bagi Gereja di Malaysia untuk berkumpul, mendengar dan meneliti bagaimana kita dipanggil untuk hidup dan berkhidmat sebagai satu Gereja hari ini. Ia mengumpulkan hasil atau pernyataan misi daripada apa yang telah direnungkan di peringkat paroki, keuskupan dan serantau serta membawanya ke arena atau peringkat kebangsaan.

Apakah matlamat MPC2026? Matlamatnya bukan untuk menghasilkan dasar atau program yang tetap. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti laluan pastoral yang boleh membimbing Gereja di Malaysia sambil kita meneruskan misi kita.

Laluan-laluan ini menawarkan orientasi dan hala tuju, bukan arahan yang dikenakan ke atas setiap keuskupan. Setiap Gereja tempatan kekal bertanggungjawab untuk pertimbangan dan aplikasi selanjutnya mengikut konteksnya sendiri.

Apa yang akan berlaku semasa MPC2026? Semasa MPC2026, perkara berikut akan berlaku:

1. Kita berkumpul sebagai Gereja Katolik Malaysia, menyedari kepelbagaian kita dalam budaya, realiti pastoral, dan pengalaman iman yang dijalani. Kami datang sebagai satu Gereja dengan tanggungjawab yang sama tetapi berbeza sebagai uskup, paderi, biarawan, dan umat awam, berjalan bersama dalam cahaya Tuhan.

2. Kita mendengar bagaimana Roh Kudus sedang bekerja dalam Gereja kita. Daripada berkongsi laporan atau pencapaian, kita berkongsi pengalaman iman dan mengesan kehadiran Tuhan di dalamnya. Pendengaran ini adalah penuh doa, terbuka dan memberi perhatian kepada bagaimana Tuhan mungkin bekerja secara berbeza dalam setiap daripada kita.

3. Perjalanan MPC2026 membuahkan hasil melalui:

- Kata-kata pastoral daripada para uskup, menawarkan visi bersama untuk Gereja di Malaysia.
- Laluan pastoral muncul daripada semua pertimbangan bersama kita. Jalan-jalan ini diamanahkan kepada setiap keuskupan untuk dinilai dan dihayati mengikut konteksnya sendiri.

Apakah makna MPC2026 bagi Gereja di Malaysia? MPC2026 mengingatkan kita bahawa iman tidak dijalani secara terpencil. Ia menyeru kita untuk melihat diri kita sebagai satu Umat Tuhan yang mengembara bersama, dengan pengalaman yang berbeza tetapi misi yang sama. Ia mengundang seluruh Gereja untuk berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan misi, dengan percaya bahawa Roh Kudus terus membimbing kita melampaui perhimpunan itu sendiri.


MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498

Dipersembahkan dan dimurnikan untuk menjadi terang dunia



Upacara penyerahan kunci tabernakel kepada rektor baharu Katedral Hati Kudus, Sibul.

SIBU: Hidup bakti tidak membawa para religius lari dari realiti dunia melainkan menempatkan mereka di tengah-tengah dunia yang nyata, dengan segala keindahan, penderitaan dan cabarnya, demikian petikan surat yang dikeluarkan

oleh Dikasteri untuk Institut Hidup Bakti dan Persatuan-persatuan Hidup Apostolik sempena Hari Hidup Bakti Sedunia ke-30 yang dirayakan pada Februari 2.

Di Keuskupan Sibul, perayaan ini diraikan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh

Uskup Joseph Hii.

Dalam perayaan ini, hadirin turut menyaksikan upacara Penyerahan Kunci Tabernakel kepada rektor baharu Katedral *Sacred Heart* iaitu Fr Joseph Sebastian.

Kemuncak perayaan ditandai dengan pembaharuan ikrar hidup bakti. Para biarawan dan biarawati berdiri di hadapan altar, disaksikan Bapa Uskup dan umat, mereka memperbaharui komitmen hidup yang taat, murni, dan miskin.

Dalam seruannya, Uskup Joseph Hii mengundang para anggota kehidupan bakti untuk kembali menegaskan pilihan hidup Injil, setia pada peraturan dan perlembagaan kongregasi masing-masing, serta menghidupkan semangat kemurahan hati demi pelayanan kepada umat Tuhan.

Doa berkat juga dipanjatkan agar Tuhan menyempurnakan karya-Nya dalam diri setiap anggota hidup bakti dan menjadikan mereka saksi kasih-Nya di tengah-tengah dunia.



Para religius yang melayani di Keuskupan Sibul, memperbaharui komitmen mereka.

Menghadirkan Yesus melalui kesucian hidup bakti

TAWAU: Hari Hidup Bakti Sedunia diperingati setiap Februari 2 oleh Gereja Katolik sebagai bentuk penghormatan dan syukur

atas panggilan kaum religius yang mempersembahkan iman mereka sepenuhnya bagi Tuhan dan pelayanan kepada sesama.

Di Keuskupan Sandakan, Kongregasi *The Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC) merupakan satu-satunya kongregasi religius yang melayani di keuskupan itu.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Fr Raymond Lee di Konven St Clare, Tawau.

Dalam homilinya, Fr Raymond menyampaikan rasa syukur dan penghormatannya kepada para religius dan meminta umat agar terus mendoakan serta menyokong mereka.

Beliau mengajak seluruh umat, khususnya kaum religius, untuk menjadikan hidup

sebagai persembahan yang terus diperbarui setiap hari.

Perayaan Hari Hidup Bakti Sedunia ini menjadi pengingat bahwa iman bukan sekadar karya pelayanan, melainkan panggilan untuk menghadirkan Tuhan Yesus Kristus bagi dunia melalui kesederhanaan, pengorbanan, dan cinta kasih.

Pada keesokan harinya, para religius mengadakan Study Day yang dikendalikan oleh Sr Rose Ginibun FSIC. Dalam Study Day itu, para religius merefleksikan kembali makna panggilan hidup bakti di tengah-tengah Gereja dan dunia.



Menjaga kehidupan batin agar selaras dengan Injil

KAJANG: Perayaan Ekaristi Pesta Yesus Dipersembahkan dan Hari Hidup Bakti ini menjadi momen rahmat untuk pembaruan diri, sama ada secara peribadi mahupun komuniti.

Melalui perayaan ini, para anggota hidup bakti diteguhkan untuk terus memurnikan motivasi hidup dan pelayanan, tidak mencari kepentingan diri, melainkan setia mengikuti Kristus yang telah lebih dahulu mempersembahkan diri-Nya bagi keselamatan dunia.

Di Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Uskup Agung Julian Leow memimpin perayaan Ekaristi sempena Hari Bakti Sedunia di Gereja Keluarga Kudus, Kajang.

Prelatus itu menjelaskan bahawa perayaan ini bukan mengenai panggilan imamat atau ulang tahun pentahbisan sebaliknya menghormati cara hidup tertentu yang ditakrifkan oleh kaul kemiskinan, kesucian, dan ketaatan.

Dalam khutbahnya, Uskup Agung Julian merenungkan bagaimana dunia sering bergelut untuk memahami logik panggilan agama. Dia teringat seorang bekas rakan sekerja yang melihat pilihan hidupnya

sebagai paderi adalah sia-sia kerana mengabaikan potensi di mata dunia.

Uskup Agung Julian juga berkongsi nasihat yang diberikan kepadanya oleh mendiang Kardinal Soter Fernandez.

Sebelum berita pelantikannya sebagai Uskup Agung Kuala Lumpur diumumkan, Kardinal telah menasihatinya: "Julian, jika mereka meminta kamu menjadi Uskup, jangan katakan 'tidak'."

Mendiang Kardinal Soter mengingatkannya bahawa "tiada siapa yang layak untuk memikul tanggungjawab sedemikian namun kita harus menggunakan kelemahan kita untuk mengetahui bahawa kita bergantung kepada Tuhan dan bukan kepada kecerdasan kita sendiri."

Uskup Agung Julian berterima kasih dan bersyukur di atas kehadiran pelbagai kongregasi religius di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

"Setiap kongregasi ini melayani dengan mandat dan karisma yang unik. Sumbangan mereka sangat luar biasa, dari bilik darjah sekolah mision kita dan pendidikan golongan muda, sehinggalah kepada pelayanan pen-



jagaan penuh belas kasihan untuk warga tua, golongan terpinggir dan yang sakit."

Prelatus itu mengajak umat untuk men-

doakan para religius dan menghargai mereka atas pelayanan serta misi suci mereka dalam memperkenalkan Kristus kepada dunia.